

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

**NOR MASITAH BT ZAINAL ABIDIN**

bertajuk

**LAPORAN KAJIAN**

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG PEJABAT MAJLIS KANSER NATIONAL (MAKNA)  
DI LOT 38503, NO.140 JALAN MA'AROF, TAMAN BANDARAYA 59100 KUALA LUMPUR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_

En. Haris b. Hambali

Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_

Pn. Azizah bt Md. Ajis

Koordinator Program : \_\_\_\_\_

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abdul Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk hiasan dalaman pejabat Majlis Kanser National (MAKNA) yang terletak di Lot 38503, No.140 Jalan Ma'arof, Taman Bandaraya 59100 Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif utama projek ini adalah untuk memberikan satu cadangan skim rekabentuk yang baru bagi pejabat Majlis Kanser National (MAKNA) disamping memberikan suasana yang praktikal, sistematik, dan berfungsi kepada pengunjung dan pekerja serta servis yang berkualiti. Imej dan konsep yang dipilih sesuai dengan pihak MAKNA malah mampu memberikan kesan positif serta meningkatkan kepercayaan pengunjung dan pekerja yang berurusan serta konsep yang diaplikasikan dalam ruang pejabat ini menonjolkan lagi nilai estetika pejabat tersebut. Beberapa penyelidikan telah di jalankan bagi menjayakan projek akhir restoran ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian , kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian – kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan – kelemahan yang ada dan juga untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian – kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat Majlis Kanser National (MAKNA) samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep yang saya terapkan di sini adalah '*Awareness*'. Sebagai cabaran, saya akan cuba yang terbaik untuk melahirkan idea-idea untuk merekabentuk hiasan dalaman pejabat Majlis Kanser National (MAKNA) agar ia menjadi salah satu ikon dan tarikan bagi mendekatkan lagi masyarakat berkenaan kanser.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya, saya telah berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada En. Haria b. Hambali sebagai penyelia laporan projek akhir ini yang telah banyak membantu serta memberikan cadangan yang bernas dalam usaha untuk menyempurnakan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Azizah bt Md. Ajis selaku Koordinator Program yang telah memberikan tunjuk ajar dalam cara-cara yang berkesan untuk menulis laporan ini mengikut format yang betul.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Majlis Kanser National ( MAKNA ) selaku klien saya yang telah banyak memberikan pengetahuan tentang projek dan pendapat tentang keperluan dalam ruang. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak yang lain sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan tidak pernah jemu memberikan kerjasama dan memberi bantuan maklumat dalam menjayakan laporan projek akhir ini. Turut terlibat dalam menjayakan laporan projek akhir ini iaitu kedua-kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal dan juga bantuan kewangan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah dan khususnya rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi inspirasi serta idea-idea bernas dalam proses menyiapkan laporan ini. Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai.

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii - viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI FOTO</b>	<b>xi - xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI SINGKAT KATA</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1.0 PENDAHULUAN</b>	
1.1 PENGENALAN PROJEK	1
1.2 METODOLOGI KAJIAN	2 - 4
1.2.1 Pemerhatian	
1.2.2 Temujanji	
1.2.3 Rujukan	
1.2.4 Kajian kes	
1.3 MATLAMAT KAJIAN	5
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	6 - 7
1.6 HALANGAN KAJIAN	8
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	9 - 10

## **BAB 1.0**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN PROJEK**

Pertubuhan bukan kerajaan (*non-government organisation* atau NGO) merupakan pertubuhan yang ditubuhkan oleh pihak atau pertubuhan swasta yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mana-mana kerajaan. Ada NGO yang dibiaya oleh kerajaan tertentu, namun keahlian pertubuhan sebegini tidak terbuka kepada mana-mana pihak kerajaan. Sesetengah pihak menganggarkan jumlah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa sebanyak 40,000. Bilangan pertubuhan tempatan adalah lebih tinggi lagi Projek merekabentuk dalaman sebuah pejabat bagi Majlis Kanser National (MAKNA) telah dipilih sebagai projek semester akhir Diploma Rekabentuk Dalaman ini. Idea untuk merekabentuk pejabat bagi Majlis Kanser National (MAKNA) ini timbul kerana tidak ramai masyarakat di Malaysia mengetahui perkhidmatan yang disediakan dan aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Kanser National ini. Makna merupakan satu agensi pertubuhan bukan kerajaan yang mula menitikberatkan kesejahteraan pesakit-pesakit kanser dari segi kesihatan, rawatan, dan kewangan. MAKNA juga akan memberi dana untuk para pesakit yang memerlukan. Tapak cadangan yang dicadangkan adalah di Lot 38503, No.140 Jalan Ma'arof, Taman Bandaraya 59100 Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.